

SPESIFIKASI TEKNIKAL

SEBUTHARGA BIL. 13/2021:

**PERKHIDMATAN PEMBELIAN SISTEM PERAKAUNAN SAGA
SME CORP. MALAYSIA 2021**

1. OBJEKTIF

- 1.1 Sistem Perakaunan SAGA merupakan sistem utama yang digunakan oleh Bahagian Kewangan & Akaun, Perolehan dan Pembangunan Sumber Manusia. Sistem ini amat penting bagi memastikan proses yang berkaitan dengan kewangan dapat dilaksanakan dengan baik. Sistem Perakaunan SAGA sedia ada adalah versi 8.0 yang dikeluarkan pada tahun 2009 oleh Century Software (M) Sdn. Bhd.
- 1.2 Sistem Perakaunan SAGA yang baru adalah diperlukan dan menggunakan platform serta teknologi yang lebih terkini, fungsi yang telah ditambahbaik serta memenuhi keperluan semasa pengguna. Sistem baru ini juga perlu mematuhi kriteria *SAGA Compliance* yang telah ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

2. SKOP PERKHIDMATAN

- 2.1 Perolehan perisian aplikasi Perakaunan dan Kewangan *commercial off-the shelf (COTS)*. Berikut adalah modul-modul yang terlibat di dalam sistem ini:
 - i. Penyediaan Bajet
 - ii. Kawalan Bajet
 - iii. Lejar Am (GL)
 - iv. Perolehan (*Puchasing*)
 - v. Pembayaran – *Accounts Payable*
 - vi. Tunai Runcit – *Petty Cash*
 - vii. Akaun Belum Terima – *Accounts Receivable*
 - viii. Pengurusan Tunai
 - ix. Pelaburan
 - x. Gaji
 - xi. Pendahuluan & Tuntutan Kakitangan
 - xii. Pengurusan Aset

- xiii. Pengurusan Stor
- xiv. Deposit & Amanah
- xv. Pinjaman Kakitangan
- xvi. *Staff Portal*

- 2.2 Sistem ini perlu mematuhi keperluan/kriteria SAGA Compliance yang telah ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).
- 2.3 Perkhidmatan *customization* dan konfigurasi Perisian COTS.
- 2.4 Perkhidmatan *data cleaning, data conversion* dan migrasi data dari sistem SAGA sedia ada kepada sistem SAGA baru.
- 2.5 Perkhidmatan instalasi dan implimentasi Sistem. Sistem ini akan ditempatkan di MyGovCloud Pusat Data Sektor Awam (PDSA).
- 2.6 Pengurusan Projek & Dokumentasi.
- 2.7 Sesi latihan sistem kepada pengguna dan pegawai teknikal ICT.
- 2.8 Perkhidmatan konfigurasi dan penyediaan *environment* untuk simulasi *Backup & Restore* untuk keperluan pematuhan SAGA.
- 2.9 Perkhidmatan Konfigurasi untuk fungsi backup.
- 2.10 Perkhidmatan Konfigurasi SSL.

3 SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

- 3.1 Kontrak Sebutharga ini adalah bagi tempoh 12 bulan.
- 3.2 Bayaran dibuat berdasarkan kemajuan pelaksanaan projek mengikut jadual pembayaran yang dipersetujui.
- 3.3 Bayaran akan dibuat setelah pihak SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan setelah menerima Inbois serta dokumen berkaitan daripada pembekal.

4 SYARAT-SYARAT LAIN

- 4.1 Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah laku dalam kod bidang bersesuaian seperti berikut:
210103 dan 210104
- 4.2 Pemilihan penyebutharga akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan di jadual pematuhan di bawah.
- 4.3 Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya pembekal:
- Tidak memenuhi Skop Kerja yang telah dipersetujui;
 - Tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi Kerja ;
 - Tidak mematuhi Jadual Pelaksanaan yang ditetapkan;
- 4.4 Sekiranya pembekal gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, SME Corp. Malaysia berhak membatalkan pesanan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Liquidated & Ascertained Damages (LAD)* berdasarkan formula berikut:
- $$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari kerja lewat})$$

JADUAL 1 : KRITERIA PEMATUHAN SAGA - FUNGSI

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Sistem harus memenuhi piawaian perakaunan yang ditetapkan oleh <i>Malaysia Accounting Standards Board</i> (MASB) diterima pakai dalam penyediaan penyata kewangan seperti MPERS / MFRS / MPSAS.				
	1.1 Sistem juga boleh menerima piawaian lain yang berkuatkuasa dan diterima pakai dalam penyediaan penyata kewangan.				
	1.2 Sistem hendaklah berupaya menyediakan akaun syarikat subsidiari.				
2.	Asas Perakaunan Akruan				
	2.1 Sistem perakaunan dan kewangan agensi hendaklah mengambilkira piawaian perakaunan yang mematuhi asas perakaunan akruan bagi aset, liabiliti, ekuiti, belanja dan hasil. 2.1.1 Titik Pengiktirafan Belanja Pada Tarikh Bekalan (Stock Items) Diterima 2.1.2 Titik Pengiktirafan Belanja Pada Tarikh Perkhidmatan (Non-Stock Items) Diterima				
3.	Struktur Carta Akaun (<i>Chart of Account - COA</i>) Yang Fleksibel				
	3.1 Kod Perakaunan (COA) hendaklah berdasarkan kepada Surat Pekeliling Akauntan Negara (SPANM) yang berkuatkuasa.				
	3.2 COA di dalam sistem hendaklah fleksibel iaitu saiz medan setiap kod segmen boleh ditambah dan dikurang.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	3.3 Setiap item di dalam sistem hendaklah boleh diklasifikasikan mengikut kategori aset, liabiliti, ekuiti, belanja dan hasil.				
4.	Penutupan Akaun				
	4.1 Sistem haruslah berupaya untuk menutup akaun secara harian.				
5.	<i>Single-Point Data Entry</i> dan Integrasi (jika perlu)				
	5.1 Sistem hendaklah menggunakan konsep <i>single-point data entry</i> bagi setiap transaksi.				
	5.2 Modul-modul yang berkaitan di dalam sistem hendaklah berupaya berintegrasi antara satu sama lain (jika perlu).				
	5.3 Sistem hendaklah berintegrasi dengan lain-lain sistem sokongan di SME Corp seperti berikut; (jika perlu) <ul style="list-style-type: none"> • Sistem Agihan Zakat • Sistem e-Bayaran • Sistem e-Hartanah • Sistem Pengurusan Kakitangan SME Corp 				
6.	Penambahan/Pengurangan Modul				
	6.1 Sistem hendaklah fleksibel untuk membolehkan penambahan / pengurangan modul dilakukan mengikut keperluan agensi di masa hadapan.				
7.	Proses Kelulusan Dalam Talian (<i>Online Workflow</i>) (<i>preparer, reviewer, authoriser</i>)				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	7.1 Sistem hendaklah berupaya memproses kelulusan dalam talian (<i>online workflow</i>).				
	7.2 Sistem juga hendaklah berupaya untuk memaparkan senarai transaksi yang belum selesai (<i>open item</i>).				
8.	Pembayaran dan Terimaan Secara Elektronik				
	8.1 Sistem hendaklah mempunyai kaedah pembayaran secara elektronik.				
	8.2 Sistem hendaklah boleh menghantar notifikasi kepada penerima bayaran.				
	8.3 Sistem hendaklah mempunyai kaedah penerimaan secara elektronik / perbankan internet.				
9.	Muatnaik Penyata Bank Dan Penyesuaian				
	9.1 Sistem hendaklah berupaya memuat naik fail penyata bank daripada pelbagai media (contohnya <i>desktop / online banking, compact disc</i> dan sebagainya).				
	9.2 Sistem hendaklah berupaya membuat <i>auto match</i> untuk tujuan penyediaan penyata penyesuaian bank (<i>bank reconciliation</i>).				
10.	Penjanaan Penyata Kewangan dan Laporan				
	10.1 Sistem hendaklah berupaya untuk menjana Penyata Kewangan berikut pada bila-bila masa a) Penyata Pendapatan Komprehensif; b) Penyata Kedudukan Kewangan; c) Penyata Aliran Tunai; dan				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	d) Penyata Perubahan Ekuiti.				
	10.2 Sistem hendaklah berupaya menjana dan mencetak laporan mengikut <i>user defined</i> bagi memenuhi keperluan pelaporan Kerajaan, Pengurusan Agensi dan lain-lain pihak berkepentingan.				
	10.3 Sistem hendaklah boleh mengekstrak laporan dengan menggunakan pelbagai format fail (contoh: <i>excel, html, pdf</i> dan lain-lain).				
11.	Pengauditan				
	11.1 Sistem hendaklah berupaya mengekstrak laporan bagi tujuan pengauditan.				
12.	Penyimpanan Data (Storan)				
	12.1 Sistem hendaklah berupaya untuk menyimpan data pangkalan dalam tempoh sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun.				

JADUAL 2 : PEMATUHAN SAGA - KRITERIA TEKNIKAL

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Pentadbiran Profil Keselamatan Pengguna				
	1.1 Sistem hendaklah mempunyai kemudahan pentadbiran profil keselamatan untuk mengkonfigurasi dan menyenggara setiap capaian pengguna mengikut peranan masing-masing.				
	1.2 Sistem membolehkan pentadbir sistem mengemaskini tahap capaian dan had kuasa pengguna.				
	1.3 Pentadbir sistem tidak terlibat dalam operasi sistem perakaunan dan kewangan agensi.				
	1.4 Sistem berupaya membekalkan setiap pengguna dengan satu ID dan ID tersebut unik.				
2.	Jejak Audit (<i>Audit Trail</i>) Daripada Sistem				
	2.1 Sistem hendaklah mempunyai fungsi jejak audit.				
	2.2 Sistem hendaklah tidak menghapuskan ID pengguna yang berstatus inactive bagi membolehkan rekod jejak audit diekstrak apabila diperlukan.				
3.	Sistem <i>Log Server</i>				
	3.1 Sistem hendaklah mempunyai log yang merekodkan semua aktiviti capaian ke atas <i>server</i> aplikasi dan <i>server</i> pangkalan data (<i>database</i>).				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
4.	Kaedah Penyulitan Data (<i>Encryption</i>) Dan Penghantaran Selamat Setiap Peringkat				
	4.1 Sistem hendaklah menggunakan kaedah penyulitan (<i>encryption</i>) dan penyahsulitan (<i>decryption</i>) bagi pemindahan data secara elektronik kepada/ daripada pihak ketiga.				
	4.2 Sistem hendaklah diakses dengan menggunakan <i>Secured Socket Layer (SSL)</i> dan atau <i>Virtual Private Network (VPN)</i> .				
5.	Penamatan Sesi Automatik (<i>Auto Log Off</i>).				
	5.1 Sistem hendaklah mempunyai fungsi untuk menamatkan sesi secara automatik (<i>auto log off</i>) sekiranya pengguna tidak aktif bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan.				
6.	<i>Backup and Restore</i> Secara Berkala				
	6.1 Sistem hendaklah mempunyai kemudahan backup and restore yang menyokong dan melindungi pelaksanaan sistem perakaunan dan kewangan agensi.				
	6.2 Sistem hendaklah berupaya memberi kemudahan backup secara: i. Automatik dan ii. Manual.				
	6.3 Proses backup hendaklah dibuat secara berkala dan nyatakan kekerapan pelaksanaan backup (contoh: harian, mingguan atau bulanan).				
	6.4 Sistem hendaklah membolehkan salinan backup disimpan di luar premis agensi.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	6.5 Sistem hendaklah membolehkan prosedur backup & restore diuji secara berkala dan nyatakan kekerapan simulasi.				
	6.6 Sistem hendaklah membolehkan pegawai yang bertanggungjawab membuat pengesahan data ke atas hasil pengujian backup & restore.				

JADUAL 3 : SPESIFIKASI TEKNIKAL DAN FUNGSI (UMUM)

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Spesifikasi Umum				
	Sistem harus memenuhi piawaian perakaunan yang ditetapkan oleh <i>Malaysia Accounting Standards Board</i> (MASB) diterima pakai dalam penyediaan penyata perakaunan seperti MPERS / MFRS / MPSAS.				
	1.1 Sistem juga boleh menerima piawaian lain yang berkuatkuasa dan diterima pakai dalam penyediaan penyata kewangan.				
	1.2 Sistem hendaklah berupaya menyediakan akaun syarikat subsidiari/akaun cawangan.				
	1.3 Sistem hendaklah berupaya membekalkan aplikasi pengurusan maklumat perakaunan yang mematuhi SAGA dan mematuhi pekeliling serta Arahan Perbendaharaan Kementerian Kewangan.				
	1.4 Sistem hendaklah bercirikan <i>web-based</i> yang membolehkan pengurusan perakaunan dibuat di mana-mana dan pada bila-bila masa.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	1.5 Sistem hendaklah berupaya membekalkan aplikasi sistem pengurusan maklumat perakaunan yang berintegrasi dengan aplikasi utama SME Corp jika perlu.				
	1.6 Sistem hendaklah membekalkan aplikasi sistem pengurusan maklumat perakaunan yang menyediakan online portal lengkap (<i>dashboard</i>) dan menyeluruh berkaitan pengurusan perakaunan kakitangan.				
	1.7 Sistem berkebolehan menyediakan aplikasi sistem pengurusan maklumat perakaunan dan kawalan keselamatan yang tinggi, contohnya <i>Security Token Digicert</i> .				
	1.8 Sistem hendaklah berupaya menyediakan aplikasi yang bercirikan mesra pengguna yang memudahkan operasi, proses audit serta menjana laporan dengan tepat dan cepat.				
	1.9 Sistem hendaklah dibekalkan aplikasi sistem aliran kerja (<i>workflow</i>) yang telah ditetapkan secara secara <i>online</i> (<i>Submission, Verification, Approval and Payment</i>).				
	1.10 Sistem hendaklah berupaya membekalkan aplikasi sistem untuk menjejak (<i>tracking</i>) semua transaksi yang telah direkodkan berdasarkan carian yang fleksibel dan termasuk butiran transaksi.				
2.	Spesifikasi Fungsi				
	2.1 Sub modul Pengurusan Pentadbir Sistem (<i>Sistem Administration</i>): -				
	a) Sistem hendaklah berupaya menyediakan kemudahan untuk mewujudkan segala maklumat entiti SME Corp seperti profil agensi,				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	aktiviti perniagaan, pusat kos, kumpulan wang, bank, mata wang, pengguna, kakitangan, pembekal, pelanggan dan lain-lain.				
	b) Sistem hendaklah menyediakan fungsi pengurusan pengguna oleh pentadbir sistem yang telah dilantik.				
	c) Sistem hendaklah menetapkan capaian ke atas modul mengikut tahap capaian dan fungsi, pengguna sistem pentadbir dan sistem pengamal (<i>Controlled Access / Role Based Security</i>).				
	d) Sistem hendaklah boleh mewujudkan <i>Master Table Maintenance</i> untuk <i>create</i> , <i>edit</i> dan <i>delete</i> di mana data boleh dikemaskini dari semasa ke semasa.				
	2.2 Sub modul Kemaskini Profil Admin				
	a) Sistem hendaklah berkeupayaan mengemaskini maklumat nama dan emel pentadbir sistem.				
	2.3 Sub modul Tukar Kata Laluan (<i>Admin</i>)				
	a) Sistem hendaklah membolehkan pentadbir sistem menukarkan kata laluan.				
	2.4 Sub modul Audit Transaksi				
	a) Sistem hendaklah berkeupayaan untuk mengawal operasi transaksi ke atas sistem bagi memastikan keselamatan sistem terjamin dan mengikut piawaian yang dibenarkan.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	b) Sistem hendaklah membolehkan pengeluaran laporan audit dalam format PDF atau <i>MS Excel</i> .				
3.	Penstrukturan Semula Carta Akaun (COA)				
	3.1 Pembekal hendaklah melaksanakan penstrukturan semula dan menyusun (<i>mapping</i>) carta akaun SME Corp sedia ada mengikut keperluan SME Corp terkini.				
4.	Lesen dan Pengguna Sistem				
	4.2 Pembekal hendaklah menyediakan lesen pengguna yang tidak terhad kepada semua pengguna SME Corp. Malaysia				
5.	Laporan Setiap Modul: -				
	5.1 Menyediakan laporan-laporan Modul yang mengikut keperluan SME Corp. Malaysia.				
	5.2 Sistem memberi kebenaran kepada pengguna untuk mengubahsuai laporan mengikut keperluan semasa.				

JADUAL 4 : KEPERLUAN APLIKASI & PERKAKASAN

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Keperluan umum Sistem Aplikasi				
	1.1 Pembekal hendaklah membekalkan sistem kewangan yang baharu, yang berkualiti dari segi kestabilan sistem, ketersediaan sistem, keupayaan sistem dan sistem yang boleh diubahsuai mengikut keperluan SME Corp di samping mematuhi kriteria SAGA.				
	1.2 Pembekal hendaklah memastikan sistem kewangan yang dibekalkan boleh berintegrasi dengan sistem luar yang sedia ada di SME Corp. Malaysia.				
	1.3 Pembekal hendaklah menjelaskan dengan terperinci sistem kewangan yang dibekalkan bersama modul-modul yang ada di dalamnya.				
2.	Keperluan Perkakasan dan Perisian				
	2.1 Pembekal perlu menjalankan kerja-kerja konfigurasi server dan instalasi sistem di server PDSA yang akan disediakan. Server yang terlibat ialah : i. Server Aplikasi ii. Server Database iii. Server Backup				
	2.2 Pembekal perlu menjalankan kerja-kerja konfigurasi server untuk tujuan simulasi <i>Backup & Restore</i> . Server akan disediakan oleh pihak SME Corp. Malaysia.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	2.3 Perisian bagi sistem <i>Backup</i> akan disediakan oleh SME Corp. Malaysia.				
3.	<i>Secure Socket Layer</i> (SSL) Certificate				
	3.1 Pembekal perlu memasang dan mengkonfigurasi sistem aplikasi sistem kewangan SME Corp. Malaysia dengan <i>Secure Socket Layer</i> (SSL). <i>Sijil SSL</i> akan disediakan oleh SME Corp. Malaysia.				

JADUAL 5 : SPESIFIKASI TEKNIKAL APLIKASI SISTEM KEWANGAN

MODUL 1: PENYEDIAAN BAJET

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Sistem mestilah menyediakan struktur akaun bajet yang fleksibel yang mampu memenuhi keperluan penyediaan bajet di pbpp seperti cawangan, dana, bahagian dan mestilah selari dengan struktur lejar am.				
2.	Sistem mestilah berupaya menyediakan fungsi pendaftaran/penyelenggaraan kod bajet dan kod unjuran.				
3.	Sistem mestilah menyediakan status untuk setiap kod bajet dan unjuran bagi membolehkan setiap kod bajet dan unjuran di tetapkan status.				
4.	Sistem hendaklah berupaya menyediakan sistem permohonan bajet secara <i>online</i> oleh Pemohon yang boleh dikawal mengikut segmen akaun.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
5.	Sistem mestilah menyediakan proses penjanaan bajet tahunan yang menyediakan kod-kod bajet untuk tahun yang dijana untuk penyediaan bajet berdasarkan kod-kod yang aktif.				
6.	Modul penyediaan bajet mestilah merangkumi penyediaan bajet (belanja) dan penyediaan unjuran (pendapatan).				
7.	Sistem hendaklah membolehkan proses penyediaan bajet bermula dari proses permohonan bajet oleh Pemohon (Unit/Jabatan/Cawangan).				
8.	Sistem mestilah menyediakan bajet template yang boleh ditetapkan oleh pengguna (user defined budget template) untuk medan-medan yang akan digunakan oleh pengguna untuk penyediaan bajet. Template yang berlainan mestilah boleh ditetapkan untuk kod bajet yang berlainan, contohnya keterangan, bilangan, kuantiti, bulan, hari dan sebagainya.				
9.	Sistem mestilah menunjukkan amaun tahun semasa dan tahun lepas pada skrin penyediaan bajet untuk rujukan pengguna.				
10.	Sistem mestilah menyediakan versi-versi bajet yang berlainan untuk setiap tahap penyediaan bajet. Versi yang lepas mestilah ditunjukkan di dalam skrin penyediaan bajet dan unjuran bagi memudahkan pengguna membuat rujukan.				
11.	Sistem mestilah menyediakan proses aliran kerja (workflow) yang fleksibel untuk setiap versi penyediaan bajet.				
12.	Sistem mestilah menyediakan laporan ringkasan bajet yang memaparkan bajet untuk setiap unit/jabatan/cawangan.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
13.	Sistem mestilah menyediakan laporan ringkasan unjuran yang memaparkan unjuran untuk setiap unit/jabatan/cawangan.				
14.	Sistem mestilah menyediakan laporan buku bajet (bajet terperinci) yang memaparkan kesemua maklumat perincian bajet sebagaimana yang disediakan oleh pengguna. Laporan ini mestilah kemas dan boleh terus dibukukan dan selari dengan template untuk setiap kod bajet.				
15.	Sistem mestilah menyediakan carta ringkasan bajet yang memaparkan ringkasan keseluruhan bajet mengikut unit/jabatan/cawangan dalam bentuk carta. Sistem mestilah menyediakan fungsi untuk pengguna memilih jenis-jenis carta yang berlainan mengikut keperluan.				
16.	Sistem mestilah menyediakan carta ringkasan bajet mengikut jabatan yang memaparkan ringkasan bajet mengikut kod untuk jabatan yang dipilih dalam bentuk carta. Sistem mestilah menyediakan fungsi untuk pengguna memilih jenis-jenis carta yang berlainan mengikut keperluan.				
17.	Sistem mestilah menyediakan carta ringkasan unjuran yang memaparkan ringkasan keseluruhan unjuran mengikut unit/jabatan/cawangan dalam bentuk carta. Sistem mestilah menyediakan fungsi untuk pengguna memilih jenis-jenis carta yang berlainan mengikut keperluan.				
18.	Sistem mestilah menyediakan carta ringkasan unjuran mengikut jabatan yang memaparkan ringkasan unjuran mengikut kod untuk jabatan yang dipilih dalam bentuk carta. Sistem mestilah menyediakan fungsi untuk pengguna memilih jenis-jenis carta yang berlainan mengikut keperluan.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
19.	Sistem mestilah menyediakan kemudahan integrasi secara terus dengan modul kawalan bajet untuk mengemaskini bajet yang telah diluluskan di dalam modul kawalan bajet.				
20.	Sistem mestilah menyediakan fungsi penyediaan papan kenyataan (notice board) yang membolehkan pentadbir sistem menyediakan maklumat papan kenyataan secara online.				
21.	Sistem mestilah menyediakan kemudahan untuk pentadbir sistem membuat penutupan sistem bajet sekiranya perlu dengan memaparkan papan kenyataan apabila pengguna cuba mengunci masuk ke sistem.				

MODUL 2: KAWALAN BAJET

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Sistem mestilah menyediakan struktur akaun bajet yang fleksibel yang mampu memenuhi keperluan pelaporan dan kawalan bajet di SME Corp seperti cawangan, dana, bahagian dan mestilah selari dengan struktur lebar am.				
2.	Sistem mestilah berupaya menyediakan fungsi pendaftaran/penyelenggaraan kod bajet.				
3.	Sistem mestilah menyediakan status untuk setiap kod bajet bagi membolehkan setiap kod bajet di tetapkan status.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
4.	Sistem mestilah menyediakan struktur bajet yang selari dengan struktur lejar am.				
5.	Kaedah pengawalan bajet mestilah boleh ditetapkan dengan satu kod bajet untuk banyak kod lejar am.				
6.	Sistem mestilah menyediakan fungsi yang membolehkan pengguna membuat tetapan samada membenarkan transaksi dibuat walaupun bajet tidak mencukupi mengikut kod bajet.				
7.	Sistem mestilah menyediakan fungsi <i>supplement journal</i> yang membolehkan penambahan bajet dibuat.				
8.	Sistem mestilah menyediakan fungsi pindahan bajet bagi membolehkan pengguna membuat pemindahan bajet.				
9.	Modul Kawalan Bajet mestilah berintegrasi sepenuhnya dengan kesemua modul yang mengenakan caj kepada kod belanja atau aset yang berkaitan dengan kawalan bajet.				
10.	Sistem mestilah memaparkan baki bajet pada skrin kemasukan data pada setiap modul yang membuat caj pada kod lejar am berkaitan bajet.				
11.	Sekiranya baki bajet tidak mencukupi untuk sesuatu transaksi, sistem mestilah berupaya menahan transaksi tersebut daripada dihantar dan menyediakan skrin <i>pop-up</i> yang memaparkan kod-kod bajet yang mempunyai baki yang tidak mencukupi.				
12.	Sistem mestilah menyediakan fungsi bagi membolehkan hanya kod-kod bajet tertentu atau segmen bajet tertentu dibenarkan kepada seseorang				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	pengguna. Pengguna hanya dibenarkan melihat atau mengunci masuk kod-kod bajet atau segmen bajet yang dibenarkan sahaja.				
13.	Sistem mestilah berupaya merekodkan transaksi-transaksi yang dibuat di dalam modul Perolehan sebagai komitmen di dalam Modul Kawalan Bajet.				
14.	Sistem mestilah berupaya merekodkan transaksi-transaksi yang dibuat di dalam modul Akaun Belum Bayar sebagai liabiliti di dalam Modul Kawalan Bajet.				
15.	Sistem mestilah berupaya merekodkan transaksi-transaksi jurnal am sebagai pelarasan/pelbagai di dalam Modul Kawalan Bajet.				
16.	Sistem mestilah berupaya mengemaskini bajet sekiranya pembatalan dibuat untuk mana-mana transaksi yang berkaitan dengan kod bajet.				
17.	Sistem mestilah menyediakan Laporan Buku Vot yang boleh dicetak pada bila-bila masa. Laporan Buku Vot mestilah boleh disediakan secara ringkasan atau terperinci dan boleh dieksport ke pelbagai format seperti Excel, PDF, Word, XML, rtf, txt dan lain-lain format dengan susunan yang kemas. Laporan ini juga mestilah boleh terus di email kepada penerima email bagi memastikan data tidak diubah.				
18.	Sistem juga mesti menyediakan laporan perincian bajet yang memaparkan kesemua transaksi yang direkodkan di dalam modul kawalan bajet.				
19.	Sistem mestilah menyediakan fungsi aliran kerja (<i>workflow</i>) yang fleksibel yang boleh memenuhi keperluan semasa SME Corp.				

MODUL 3: LEJAR AM (GL)

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Sistem hendaklah mempunyai pengurusan Lejar Am yang menyeluruh dengan mengambilkira semua transaksi daripada modul-modul berkaitan dan berkeupayaan berintegrasi dengan sub modul yang lain.				
2.	Sistem hendaklah membenarkan struktur carta akaun yang fleksibel yang boleh disesuaikan dengan keperluan perakaunan dan struktur organisasi SME Corp bagi membolehkan pelaporan dibuat mengikut setiap segmen akaun yang disediakan. Pindaan atau penambahan segmen akaun mestilah boleh dibuat mengikut keperluan semasa SME Corp tanpa pengubahsuaian kepada sistem.				
3.	Sistem mestilah berupaya memastikan laporan kewangan dan laporan-laporan sokongan di sub-lejar boleh disediakan bagi setiap segmen akaun yang disediakan. Contohnya laporan Ageing Pemiutang mengikut segmen akaun.				
4.	Sistem hendaklah berupaya memproses jumlah akaun (lejar) dan transaksi perakaunan yang tidak terhad.				
5.	Setiap set data akaun (tahunan) boleh membawa baki akaun dari tahun-tahun sebelumnya dengan tepat (<i>historic data</i>).				
6.	Sistem mestilah berkebolehan menyediakan kombinasi dan klasifikasi struktur Carta Akaun (COA) berdasarkan kategori yang terdiri daripada Liabiliti, Ekuiti, Belanja, Aset, Hasil (LEBAH) dan Surat Pekeliling Akauntan Negara.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
7.	Sistem mestilah mempunyai senarai terperinci carta akaun (COA) yang boleh ditetapkan status aktif atau tidak aktif.				
8.	Sistem mestilah menyediakan fungsi yang boleh menghubungkan kod bajet dengan senarai carta akaun (COA) yang aktif.				
9.	Sistem mestilah mempunyai fungsi tetapan proses aliran kerja yang fleksibel yang boleh ditetapkan dan diubahsuai mengikut keperluan SME Corp untuk proses jurnal am dan jurnal pelarasan audit. Setiap tetapan aliran kerja mestilah boleh dibuat mengikut setiap pusat kos.				
10.	Sistem hendaklah menyediakan kemudahan jurnal pelarasan audit yang boleh dibuat selepas penutupan akaun dan perekodan jurnal pelarasan audit hendaklah mengikut aliran kerja yang ditetapkan.				
11.	Modul lejar am mestilah berupaya berintegrasi dengan modul Pengurusan Aset & Inventori bagi membolehkan proses permodalan aset (<i>asset capitalization</i>) dibuat melalui jurnal am.				
12.	Modul lejar am mestilah berupaya berintegasi dengan kesemua sub-modul dan berupaya mengemaskini sub-lejar yang berkenaan bagi tujuan pelarasan.				
13.	Sistem mestilah berupaya menyediakan fungsi memuatnaik lampiran untuk fungsi jurnal am dan pelarasan audit untuk membolehkan dokumen sokongan dilampirkan dan disemak secara atas talian sekiranya perlu.				
14.	Sistem mestilah berkebolehan untuk memproses penyatuan akaun antara ibu pejabat dan cawangan SME Corp.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
15.	Sistem mestilah berkebolehan menentukan sumber catatan jurnal untuk setiap pusat kos yang disediakan.				
16.	Sistem mestilah mempunyai fungsi yang fleksibel bagi penyatuan akaun antara setiap segmen akaun yang disediakan.				
17.	Sistem mestilah mampu menjana Penyata Kewangan (Imbangan Duga, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Equiti, Laporan Aliran Tunai) berkebolehan membenarkan pengguna menjana laporan penyata kewangan mengikut MPSAS / MPERS / MPSAS.				
18.	Sistem mestilah mampu menjana Penyata Imbangan Duga secara bulanan atau tahunan mengikut pusat kos dan setiap segmen akaun dalam bentuk format PDF atau XLSX yang kemas.				
19.	Sistem mestilah mempunyai laporan Lejar Am, Jurnal dan semua laporan kewangan yang fleksibel.				
20.	Sistem mestilah mampu menjana laporan transaksi jurnal secara terperinci mengikut keperluan pengguna bagi tempoh yang tertentu.				
21.	Sistem mestilah mampu untuk mengekstrak laporan lejar ke dalam format PDF, Excel, Word, html di dalam format yang kemas. Sistem mestilah menyediakan kemudahan kepada pengguna untuk memilih medan-medan yang diperlukan dengan menyediakan fungsi drag-and-drop untuk memilih medan-medan yang diperlukan untuk cetakan.				
22.	Sistem mestilah menyediakan kemudahan kepada pengguna untuk membuat tetapan atau pindaan kepada format laporan kewangan seperti Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Equiti, Laporan Aliran Tunai				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	sekiranya diperlukan bagi membolehkan format dipinda mengikut keperluan semasa.				
23.	Sistem mestilah menyediakan kemudahan untuk pengguna mencetak jurnal baucer terus dari sistem mengikut format yang diperlukan oleh pihak SME Corp. Maklumat penyedia, penyemak serta pelulus berserta tarikh mestilah boleh dicetak terus dari sistem.				
24.	Modul Lejar Am mestilah berupaya merekodkan kesemua transaksi dari sub-modul.				

MODUL 4: PEROLEHAN (PUCHASING)

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Sistem mestilah berupaya menyediakan Modul Perolehan meliputi fungsi-fungsi atau proses-proses di bawah: -				
	1.1 Proses Permohonan Perolehan secara online				
	1.2 Proses Pemilihan Pembekal (<i>Sourcing</i>)				
	1.3 Proses Penyediaan Permohonan Pembelian				
	1.4 Carian Pembekal Sedia Ada				
	1.5 Proses Pendaftaran Pembekal Baru				
	1.6 Proses Penilaian Pembekal (<i>Vendor Evaluation</i>)				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
2.	Sistem mestilah menyediakan fungsi Permohonan Perolehan secara online dan diisi oleh Pemohon (Unit/Jabatan/Cawangan)				
3.	Sistem mestilah menyediakan fungsi pemilihan jenis perolehan (Pembelian Terus/Sebut Harga/Tender/Rundingan Terus).				
4.	Sistem mestilah menyediakan Borang Permohonan Perolehan secara online. Sistem mestilah menyediakan kemudahan lampiran bagi pengguna melampirkan dokumen-dokumen yang berkenaan untuk setiap jenis perolehan.				
5.	Sistem mestilah menyediakan Borang Spesifikasi Perolehan secara online.				
6.	Sistem mestilah menyediakan Borang Kriteria Penilaian Teknikal dan Harga secara online.				
7.	Sistem mestilah menyediakan Borang Cadangan Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Harga secara online.				
8.	Sistem mestilah menyediakan Borang Penilaian Jawatankuasa Spesifikasi Teknikal dan Harga secara online.				
9.	Sistem mestilah menyediakan kemudahan muat naik dokumen sokongan pada kesemua fungsi-fungsi yang disediakan.				
10.	Sistem mestilah membenarkan kelulusan permohonan perolehan dibuat secara online mengikut aliran kerja yang ditetapkan.				
11.	Borang Permohonan Perolehan yang telah diluluskan dikemukakan secara dalam talian kepada Unit Perolehan selepas diluluskan dan sistem juga akan menghantar notifikasi kepada Unit Perolehan.				
12.	Sistem hendaklah berupaya mengadakan fungsi Pendaftaran Kontrak secara <i>online</i> .				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
13.	Sistem mestilah mampu menjana pesanan tempatan (surat tawaran bekalan dan perkhidmatan termasuk lain-lain dokumen rasmi perolehan) secara automatik termasuk mengemaskini rekod Daftar Kontrak setelah permohonan perolehan diluluskan.				
14.	Sistem mestilah berintegrasi dengan Modul Bajet/ Kewangan bagi mengawal permohonan yang melebihi dari bajet yang disediakan.				
15.	Sistem mestilah memastikan Modul Bajet dikemaskini secara automatik setelah Pesanan Tempatan diluluskan.				
16.	Sistem mestilah menyediakan status untuk setiap Borang Permohonan Perolehan.				
17.	Sistem mestilah menyediakan fungsi pembatalan Permohonan Perolehan dan juga Pesanan Tempatan dengan menyatakan sebab pembatalan dilakukan.				
18.	Sistem berupaya menyediakan kaedah perolehan yang boleh ditetapkan mengikut keperluan SME Corp contohnya; <ul style="list-style-type: none"> • Pembelian Terus (Pejabat/Negeri PTJ) ≤ RM20,000.00 • Sebutharga > RM20,001.00 hingga ≤ RM500,000.00 • Tender > RM500,000.00 Sistem berupaya mengubah had nilai perolehan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.				
19.	Sistem hendaklah menyediakan proses pemilihan Pembekal perkhidmatan/ Bekalan/ Kerja (<i>vendor sourcing</i>) mengikut bidang-bidang yang didaftarkan dengan Kementerian Kewangan.				
20.	Sistem mestilah menyediakan template surat jemputan/emel yang boleh diubahsuai kepada vendor yang dipilih.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
21.	Sistem mestilah menyediakan fungsi hantar emel jemputan dan sistem mengeluarkan notifikasi kepada pembekal.				
22.	<p>Sistem mestilah berupaya menyediakan proses Pendaftaran Pembekal secara atas talian dengan menyediakan fungsi-fungsi berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan skrin pra-pendaftaran bagi membolehkan pembekal memasukkan maklumat asas dan menyediakan ID pengguna dan kata laluan. • Menyediakan email pengesahan pendaftaran yang memerlukan pembekal membuat pengesahan pendaftaran melalui email. • Menyediakan fungsi untuk pembekal melengkapkan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk melengkapkan proses pendaftaran. • Menyediakan fungsi memuatnaik lampiran bagi pembekal melampirkan maklumat-maklumat yang diperlukan. • Menyediakan fungsi bagi pentadbir sistem untuk memproses dan meluluskan atau menolak pendaftaran yang dibuat oleh pembekal. • Mendaftarkan pembekal di dalam modul Akaun Belum Bayar setelah pendaftaran diluluskan. 				
23.	Sistem mestilah menyediakan template Penilaian Pembekal yang boleh disesuaikan mengikut keperluan SME Corp dan penilaian pembekal dijalankan secara online melalui portal kakitangan.				
24.	Sistem berupaya menyediakan fungsi muat naik, muat turun dan cetak laporan (Excel/PDF) bagi proses Pemilihan Pembekal, proses Penilaian Sebutharga/Tender, proses Pendaftaran Pembekal dan proses Penilaian Pembekal (<i>vendor evaluation</i>).				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
25.	Sistem hendaklah berupaya menjana laporan (<i>historical data</i>) bagi semua rekod perolehan yang sudah diluluskan bila-bila masa mengikut keperluan SME Corp.				
26.	Sistem hendaklah berupaya menjana tarikh barang/perkhidmatan diterima – Goods Received Notes (GRN)				
27.	Sistem hendaklah berupaya berintegrasi dengan semua modul kewangan yang berkaitan seperti modul Bajet, modul Akaun Belum Bayar (Accounts Payable).				
28.	Sistem hendaklah mempunyai fungsi forced completion sekiranya terdapat pembayaran secara separa (<i>partial payment</i>).				

MODUL 5: PEMBAYARAN – ACCOUNT PAYABLE

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Sistem hendaklah menyediakan fungsi carian dan pendaftaran maklumat pembekal yang boleh menyimpan maklumat-maklumat utama pembekal seperti nama pembekal, alamat, no telefon, fax, email, no akaun, jenis pembekal, no pendaftaran syarikat, no KP untuk pembekal individu, no akaun bank dan lain-lain maklumat utama pembekal.				
2.	Sistem hendaklah berupaya berintegrasi dengan Modul Perolehan supaya maklumat pembekal dapat di selaraskan.				
3.	Sistem mestilah menyediakan laporan senarai maklumat pembekal dalam format PDF, Word, XML, CSV, RTF dan XLSX dan menyediakan				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	kemudahan kepada pengguna untuk memilih medan-medan yang diperlukan dengan menyediakan fungsi drag-and-drop untuk memilih medan-medan yang diperlukan untuk cetakan.				
4.	Sistem hendaklah membolehkan bayaran secara penuh atau separa (<i>partial payment</i>) dan sistem juga mampu menyemak jumlah bayaran yang tidak melebihi amaun pesanan.				
5.	Modul Pembayaran hendaklah berintegrasi dengan modul-modul lain iaitu Modul Bajet, Modul Perolehan, Modul Pengurusan Aset / Inventori, Modul Lejar Am, Modul Pengurusan Tunai, Modul Gaji, Modul Manfaat & Tuntutan Kakitangan dan Project Costing supaya dapat mengurangkan kesilapan kemasukan data.				
6.	Sistem hendaklah berupaya mengadakan fungsi pendaftaran Bil/Invois/Nota Kredit/Nota Debit secara <i>online</i> .				
7.	Sistem hendaklah menyediakan fungsi pendaftaran oleh penerima Bil/Invois/Nota Kredit/Nota Debit secara <i>online</i> di Unit/Jabatan/Cawangan dan berupaya menjana nombor daftar sebelum dimajukan kepada Bahagian Kewangan & Akaun.				
8.	Sistem hendaklah berupaya mengeluarkan notifikasi kawalan (<i>alert message</i>) bagi rekod invois/bil untuk mengelakkan pembayaran terjadi dua kali atau bertindih.				
9.	Sistem mestilah berupaya mengemaskini maklumat inbois/bil secara automatik dengan menggunakan maklumat yang sama yang dimasukkan semasa membuat Pesanan Belian tanpa perlu mengunci masuk semula maklumat tersebut.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
10.	Sistem hendaklah diintegrasikan secara terus kepada Modul Bajet yang mana baki peruntukan mestilah dipaparkan pada setiap kod akaun yang dicajkan semasa pendaftaran inbois. Sistem juga mestilah menyediakan fungsi kawalan bajet secara automatik semasa proses hantaran/posting inbois yang mana sistem tidak membenarkan hantaran/posting dibuat sekiranya bajet tidak mencukupi.				
11.	Sistem mestilah berupaya mengemaskini data-data Pesanan Belian yang berkenaan setelah inbois yang berkenaan diluluskan. Sistem mestilah mempunyai maklumat status inbois di dalam skrin pesanan belian.				
12.	Sistem mestilah menyediakan fungsi inbois berulang yang boleh digunakan oleh pengguna untuk merekod inbois-inbois yang berulang atau mempunyai frekuensi yang tetap contohnya sekali sebulan. Fungsi ini bagi membolehkan pengguna memproses inbois-inbois berkenaan secara pukal setiap bulan tanpa perlu mengunci masuk semula maklumat inbois yang berkenaan.				
13.	Sistem hendaklah berupaya menyokong percetakan Baucar, Cek, Nota Debit dan Nota Kredit mengikut format yang disediakan oleh pihak SME Corp.				
14.	Sistem mestilah mempunyai fungsi tetapan proses aliran kerja yang fleksibel yang boleh ditetapkan dan diubahsuai mengikut keperluan SME Corp untuk setiap proses yang disediakan di dalam modul Akaun Pembayaran iaitu Pendaftaran Inbois, Penyediaan Baucar bayaran, Nota Debit dan Nota Kredit. Setiap tetapan aliran kerja mestilah boleh dibuat mengikut pusat kos. Maklumat penyediaan, semakan dan kelulusan yang dibuat oleh pengguna mestilah boleh dilihat pada skrin yang berkenaan.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
15.	Sistem mestilah menyediakan proses permohonan bayaran yang mana data-data permohonan bayaran perlu disediakan secara automatik selepas kelulusan inbois, nota debit atau nota kredit atau lain-lain permohonan bayaran yang dibuat di modul-modul yang berkenaan. Fungsi Permohonan Bayaran akan digunakan oleh pengguna untuk menyediakan baucar bayaran tanpa perlu mengunci masuk semula maklumat bayaran.				
16.	Sistem mestilah menyediakan kemudahan untuk membuat baucar bayaran kepada satu akaun pembayar atau lebih untuk sesuatu baucar bayaran. Contohnya bayaran kepada kontraktor utama dan sub-kontraktor di dalam satu baucar bayaran atau bayaran kepada penerima-penerima zakat di dalam satu baucar bayaran.				
17.	Sistem mestilah menyediakan kemudahan bayaran melalui CEK, EFT atau ARAHAN BANK yang boleh ditetapkan di dalam maklumat daftar pembekal dan boleh dikemaskini semasa proses penaftaran inbois, permohonan bayaran atau penyediaan baucar.				
18.	Sistem mestilah menyediakan fungsi pembatalan inbois dan pembatalan baucar bayaran yang dintegrasikan dengan kesemua modul-modul yang berkaitan seperti lejar am, kawalan bajet, buku tunai dan sebagainya.				
19.	Sistem mestilah menyediakan fungsi pelarasan inbois di dalam modul <i>Account Payable</i> .				
20.	Sistem mestilah berupaya menyediakan fungsi memuatnaik lampiran untuk proses-proses Pendaftaran Inbois, Nota Debit, Nota Kredit dan Penyediaan Baucar Bayaran untuk membolehkan dokumen sokongan dilampirkan dan disemak secara atas talian sekiranya perlu.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
21.	Sistem mestilah menyediakan laporan pengumuran (ageing report) yang boleh dijana mengikut setiap akaun segmen (contohnya dana, jabatan, dsb.) yang ditetapkan di dalam sistem. Laporan pengumuran mestilah boleh dicetak secara ringkasan atau terperinci ke dalam format html, pdf, excel dan word yang kemas.				

MODUL 6: TUNAI RUNCIT – *PETTY CASH*

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Sistem mestilah menyediakan kemudahan untuk penyelenggaraan akaun panjar runcit yang menyimpan maklumat-maklumat akaun panjar runcit seperti kod panjar, keterangan atau kegunaan panjar, had limit dan akaun kawalan panjar. Sistem juga mesti menyediakan kemudahan kepada pengguna untuk mengemaskini dan menambah akaun panjar runcit sekiranya perlu.				
2.	Sistem mestilah menyediakan fungsi Pembayaran Panjar runcit yang digunakan untuk merekod bayaran panjar dan cetakan baucar kecil mengikut format yang disediakan oleh pihak SME Corp.				
3.	Permohonan panjar wang runcit boleh dilakukan secara <i>online</i> melalui Portal Kakitangan.				
4.	Sistem perlu menyediakan fungsi rekupmen yang boleh dibuat secara automatik mengikut tarikh tertentu (cut-off date) yang mana kesemua bayaran yang belum dibuat rekupmen akan diproses untuk rekupmen.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	Sistem juga perlu menyediakan laporan senarai bayaran untuk setiap rekupmen yang dibuat untuk tujuan semakan.				
5.	Sistem juga perlu menyediakan fungsi pengesahan terimaan rekupmen yang mana fungsi ini digunakan untuk pengguna membuat pengesahan setelah bayaran rekupmen diterima. Sistem perlu menyediakan data untuk pengesahan secara automatik setelah pembayaran diluluskan. Sistem mestilah mengemaskini lejar am, buku tunai dan akaun panjar secara automatik dikedua-dua proses iaitu semasa proses kelulusan bayaran (rekupmen) dan semasa pengesahan terimaan rekupmen.				
6.	Sistem mestilah mempunyai fungsi tetapan proses aliran kerja yang fleksibel yang boleh ditetapkan dan diubahsuai mengikut keperluan SME Corp untuk setiap proses yang disediakan di dalam modul Tunai Runcit iaitu Pembayaran Tunai Runcit dan Rekupmen. Setiap tetapan aliran kerja mestilah boleh dibuat mengikut pusat kos. Maklumat penyediaan, semakan dan kelulusan yang dibuat oleh pengguna mestilah boleh dilihat pada skrin yang berkenaan.				
7.	Sistem mestilah berupaya menyediakan fungsi memuatnaik lampiran untuk proses Pembayaran Tunai Runcit untuk membolehkan dokumen sokongan dilampirkan dan disemak secara atas talian sekiranya perlu.				
8.	Sistem mestilah menyediakan laporan panjar yang boleh dicetak pada bila-bila masa yang menunjukkan baki panjar yang tepat pada tarikh tersebut. Laporan mestilah boleh dibuat mengikut akaun panjar atau mana-mana akaun segmen yang ditetapkan di dalam sistem.				

MODUL 7: AKAUN BELUM TERIMA – ACCOUNTS RECEIVABLE

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Sistem hendaklah menyediakan fungsi carian dan pendaftaran pelanggan yang boleh menyimpan maklumat-maklumat utama pelanggan seperti nama pelanggan, alamat, no. telefon, no. fax, email, no akaun, jenis pembekal, no pendaftaran syarikat, no KP untuk pembekal individu, no akaun bank dan lain-lain maklumat utama pembekal.				
2.	Sistem mestilah berupaya menyediakan lebih dari satu akaun kawalan untuk setiap pelanggan bagi membolehkan akaun pelanggan yang sama digunakan untuk jenis hasil atau bil atau dana yang berlainan.				
3.	Sistem mestilah menyediakan fungsi Pengebilan/Inbois yang digunakan untuk menyediakan inbois kepada pelanggan. Sistem juga perlu menyediakan kemudahan untuk mencetak inbois terus dari sistem mengikut format yang disediakan oleh pihak SME Corp.				
4.	Fungsi inbois/pengebilan mestilah juga boleh dibuat di dalam matawang asing dan sebarang keuntungan atau kerugian di dalam pertukaran matawang mestilah direkod secara automatik oleh sistem semasa proses penerimaan bayaran daripada pelanggan.				
5.	Sistem mestilah menyediakan fungsi inbois berulang (<i>recurring invoice</i>) yang boleh digunakan oleh pengguna untuk merekod inbois-inbois yang berulang atau mempunyai frekuensi yang tetap contohnya sekali sebulan. Fungsi ini bagi membolehkan pengguna memproses inbois-inbois berkenaan secara pukal setiap bulan tanpa perlu mengunci masuk semula maklumat inbois yang berkenaan.				
6.	Sistem mestilah menyediakan fungsi Nota Debit yang digunakan untuk menyediakan Nota Debit kepada pelanggan apabila perlu.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
7.	Sistem mestilah menyediakan fungsi Nota Kredit yang digunakan untuk menyediakan Nota Kredit kepada pelanggan apabila perlu.				
8.	Sistem mestilah menyediakan fungsi pembatalan inbois.				
	Sistem mestilah menyediakan fungsi pelarasan inbois di dalam modul <i>Account Receivable</i> .				
9.	Sistem mestilah mempunyai fungsi tetapan proses aliran kerja yang fleksibel yang boleh ditetapkan dan diubahsuai mengikut keperluan SME Corp untuk setiap proses yang disediakan di dalam modul Akaun Belum Terima iaitu Pengebilan/Inbois, Nota Debit dan Nota Kredit. Setiap tetapan aliran kerja mestilah boleh dibuat mengikut pusat kos. Maklumat penyediaan, semakan dan kelulusan yang dibuat oleh pengguna mestilah boleh dilihat pada skrin yang berkenaan.				
10.	Sistem mestilah berupaya menyediakan fungsi memuatnaik lampiran untuk setiap proses yang disediakan di dalam modul Akaun Belum Terima iaitu Pengebilan/Inbois, Nota Debit dan Nota Kredit untuk membolehkan dokumen sokongan dilampirkan dan disemak secara atas talian sekiranya perlu.				
11.	Sistem mestilah menyediakan fungsi terimaan untuk membuat proses terimaan bayaran daripada pelanggan. Sistem terimaan mestilah boleh berfungsi untuk membuat terimaan untuk bil-bil pelanggan dan lain-lain bil termasuk bil tunai.				
12.	Sistem mestilah menyediakan fungsi profile item terimaan yang membolehkan maklumat keterangan item, kod akaun, kod cukai sesuatu jenis terimaan diselenggara dan maklumat tersebut dimasukkan secara automatik semasa proses terimaan.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
13.	Sistem mestilah menyediakan fungsi penyediaan slip bank bagi memudahkan proses penyesuaian bank.				
14.	Sistem terimaan mestilah berintegrasi dengan kesemua modul yang berkenaan dengan terimaan seperti, Lejar Am, Pengurusan Tunai, Deposit & Amanah dan Pinjaman Kakitangan.				
15.	Sistem mestilah menyediakan laporan pengumuran (ageing report) yang boleh dijana mengikut setiap akaun segmen (contohnya dana, jabatan, dsb.) yang ditetapkan di dalam sistem. Laporan pengumuran mestilah boleh dicetak secara ringkasan atau terperinci ke dalam format html, pdf, excel dan word yang kemas pada bila-bila masa.				

MODUL 8: PENGURUSAN TUNAI

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Sistem mestilah mempunyai fungsi penyelenggaraan akaun buku tunai yang digunakan untuk menyimpan maklumat-maklumat bank seperti kod bank, nama bank, no. akaun bank, kod GL bank dan lain-lain maklumat yang berkenaan. Sistem juga mesti membenarkan penambahan akaun buku tunai sekiranya perlu.				
2.	Sistem hendaklah berintegrasi dengan data-data modul penerimaan (akaun belum terima), modul pembayaran (akaun belum bayar) dan semua transaksi modul-modul lain yang memberi kesan pengurusan tunai dan akaun-akaun Bank.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
3.	Sistem hendaklah mempunyai fungsi penyesuaian bank yang membolehkan penyata bank dimuat naik ke dalam sistem secara <i>online</i> dari bank.				
4.	Penyesuaian Bank (<i>Bank Reconciliation</i>) boleh dilakukan secara automatik berdasarkan kepada maklumat pada sistem dan juga penyata bank.				
5.	Untuk proses penyesuaian bank, proses padanan item-item bank dan item-item buku tunai mestilah boleh dipadankan secara automatik semasa kemasukan data penyata bank atau semasa proses muat naik penyata bank dan juga secara manual sekiranya padanan secara automatik tidak berjaya.				
6.	Sistem mestilah menyediakan fungsi carian item-item bank dan item-item buku tunai untuk tujuan padanan secara manual untuk penyesuaian bank. Carian mestilah boleh dibuat dengan memasukkan maklumat-maklumat yang perlu seperti tarikh atau tempoh, no rujukan, amaun dan sebagainya bagi memudahkan proses carian dan padanan.				
7.	Sistem mestilah menyediakan fungsi nyahpadan (<i>unmatch</i>) untuk item-item penyata penyesuaian bank yang telah dipadankan dan menyediakan medan untuk pengguna memasukkan sebab-sebab item dinyahpadan. Sistem juga perlu menyediakan log audit yang khusus untuk proses ini untuk tujuan semakan semula sekiranya perlu.				
8.	Sistem mestilah menyediakan laporan Penyata Penyesuaian Bank yang boleh dicetak pada bila-bila masa dan boleh dicetak semula untuk bulan-bulan yang terdahulu dengan data-data yang asal.				
9.	Sistem hendaklah menyediakan fungsi bayaran dalam pelbagai mod seperti <i>Telegraphic Transfer, EFT</i> , cek dan sebagainya.				
10.	Sistem mestilah berupaya menyediakan format EFT untuk kesemua akaun-akaun bank SME Corp.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
11.	Sistem hendaklah berkebolehan untuk membuat pindahan dana melalui akaun bank mengikut keperluan semasa.				
12.	Sistem hendaklah mempunyai sub modul resit bank (<i>bank in slip</i>) bagi merekod terimaan yang dimasukkan ke bank dan juga ianya akan diintegrasikan dengan sub modul penyesuaian bank.				
13.	Sistem hendaklah berkeupayaan menjana analisis, laporan bagi status aliran tunai.				

MODUL 9: PELABURAN

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Sistem hendaklah mempunyai Modul Pelaburan <i>online</i> yang terdiri daripada simpanan tetap dan simpanan jangka pendek (REPO) bagi memudahkan pengurusan dan pemantauan pelaburan.				
2.	Sistem hendaklah menyediakan fungsi penyelenggaraan Institusi Pelaburan yang menyimpan maklumat utama institusi pelaburan dan membolehkan pengguna mengemaskini dan menambah institusi pelaburan yang baru.				
3.	Sistem perlu menyediakan fungsi pendaftaran pelaburan untuk mendaftar pelaburan baru. Fungsi pendaftaran pelaburan mestilah berintegrasikan dengan modul modul Buku Tunai dan Lejar Am yang mana lejar-lejar yang berkenaan perlu dikemaskini secara automatik selepas proses pendaftaran pelaburan diluluskan.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
4.	Fungsi daftar pelaburan mestilah berupaya menyimpan kod-kod akaun untuk pokok, faedah terakru dan faedah untuk setiap akaun pelaburan				
5.	Sistem mestilah mampu merekodkan anggaran pendapatan faedah mengikut kadar dan tempoh yang ditetapkan.				
6.	Sistem mestilah dapat memberikan segala maklumat berkenaan pelaburan simpanan tetap dan simpanan jangka pendek (REPO) perlu dikemaskini dan semua senarai pelaburan yang telah dibuat dapat dipantau melalui sistem.				
7.	Sistem mestilah menyediakan fungsi memproses faedah terakru yang boleh dibuat pada setiap bulan atau pada bila-bila masa sekiranya perlu. Sistem mestilah mampu mengeluarkan nilai faedah terakru untuk setiap pelaburan yang aktif secara automatik. Sistem juga perlu menyediakan kemudahan untuk pengguna menggantikan nilai yang dikira dengan nilai lain sekiranya perlu.				
8.	Sistem mestilah menyediakan fungsi pelaburan semula (rollover) bagi tujuan membuat pelaburan semula atau menyambung pelaburan selepas tarikh matang atau bagi tujuan pengeluaran faedah pelaburan. Proses pelaburan semula perlu mengambil kira keuntungan daripada pelaburan dan mestilah berintegrasi dengan modul-modul yang berkenaan seperti Buku Tunai dan Lejar Am.				
9.	Sistem mestilah menyediakan fungsi pengeluaran pelaburan (<i>Investment Withdrawal</i>) yang digunakan untuk mengeluarkan pelaburan pada bila-bila masa sekiranya perlu.				
10.	Sistem mestilah mempunyai fungsi tetapan proses aliran kerja yang fleksibel yang boleh ditetapkan dan diubahsuai mengikut keperluan SME Corp untuk				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	setiap proses yang disediakan di dalam modul Pelaburan iaitu Pendaftaran Pelaburan, Pelaburan Semula dan Pengeluaran. Setiap tetapan aliran kerja mestilah boleh dibuat mengikut pusat kos. Maklumat penyediaan, semakan dan kelulusan yang dibuat oleh pengguna mestilah boleh dilihat pada skrin yang berkenaan.				
11.	Sistem mestilah berupaya menyediakan fungsi memuatnaik lampiran untuk setiap proses yang disediakan di dalam modul Pelaburan iaitu Pendaftaran Pelaburan, Pelaburan Semula dan Pengeluaran untuk membolehkan dokumen sokongan dilampirkan dan disemak secara atas talian sekiranya perlu.				
12.	Sistem mestilah mampu menyediakan laporan pelaburan dalam format ringkasan dan terperinci pada bila-bila masa diperlukan. Laporan yang disediakan mestilah boleh dibuat pilihan (filter) mengikut tempoh tertentu, jenis pelaburan, insitusi dan kesemua segmen akaun yang disediakan di dalam sistem ke dalam format PDF, Excel, Word, html di dalam format yang kemas. Sistem mestilah menyediakan kemudahan fungsi drag-and-drop untuk memilih medan-medan yang diperlukan untuk cetakan.				

MODUL 10: GAJI

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Sistem mestilah menyediakan fungsi daftar maklumat pekerja yang berintegrasi dengan Sistem Pengurusan Kakitangan. Sistem mestilah				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	berupaya menyimpan maklumat asas kakitangan untuk tujuan pemprosesan gaji seperti gred gaji, jawatan, bilangan anak, taraf perkahwinan, alamat dan lain-lain. Maklumat kakitangan akan didaftarkan dan dikemaskini di Modul Gaji melalui proses integrasi.				
2.	Modul gaji mestilah dibangunkan menggunakan platform yang sama dengan modul-modul kewangan yang lain dan berintegrasi sepenuhnya dengan modul-modul yang berkenaan seperti Lejar Am, Akaun Belum Bayar, Pinjaman Kakitangan, Bajet dan Buku Tunai.				
3.	Sistem mestilah menyediakan fungsi membuat tetapan segmen akaun untuk setiap pekerja.				
4.	Sistem mestilah menyediakan fungsi pendaftaran kod pendapatan dan potongan yang digunakan untuk mendaftar kod-kod pendapatan dan potongan baru dan membuat penyelenggaraan kod-kod yang sedia ada. Sistem mestilah menyediakan fungsi menghubungkan kod-kod ini dengan akaun Lejar Am.				
5.	Sistem mestilah berupaya memproses gaji kakitangan badan berkanun dengan mengambil kira caruman berkanun (contohnya KWSP, PERKESO, Potongan Cukai Bulanan).				
6.	Sistem mestilah berupaya membuat pengiraan Potongan Cukai Bulanan dengan menggunakan kaedah formula yang disediakan oleh pihak LHDNM.				
7.	Sistem mestilah menggunakan Jadual Caruman KWSP dan Jadual Caruman PERKESO dalam menentukan amaun caruman masing-masing.				
8.	Sistem mestilah mampu menjana semua laporan bercetak atau <i>softcopy</i> untuk dikemukakan kepada agensi-agensi pusat seperti LHDN, KWSP,				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	PERKESO, BIRO ANGKASA, ZAKAT, PTPTN dan lain-lain agensi. Cth laporan seperti berikut: - a) Laporan Caruman KWSP (Borang A) (Apendiks 12) b) Laporan Caruman PERKESO (Borang 8A) (Apendiks 13) c) Penyata Potongan Cukai Bulanan (Borang CP39)				
9.	Sistem hendaklah mampu membuat pembayaran gaji untuk kakitangan tetap, kakitangan kontrak dan kakitangan yang dibayar gaji secara harian.				
10.	Sistem mestilah berupaya membuat pengiraan secara automatik mengikut kelayakan gred gaji kakitangan bagi gaji pokok, elaun-elaun tetap, caruman majikan KWSP dan PERKESO dengan hanya berdasarkan kepada input gred gaji dan tangga gaji kakitangan.				
11.	Sistem mestilah menyediakan fungsi mendaftar perubahan gaji mengikut kod gaji (pendapatan dan potongan) dan menyediakan proses aliran kerja yang boleh ditetapkan mengikut keperluan SME Corp.				
12.	Sistem mestilah menyediakan fungsi bagi membolehkan setiap elaun dan potongan disediakan tarikh mula dan tarikh akhir dan sistem mestilah berupaya menghentikan potongan atau elaun secara automatik apabila melepasi tarikh akhir.				
13.	Sistem hendaklah berupaya menyimpan (arkib) semua transaksi pembayaran gaji mengikut bulan dan pengguna boleh merujuk pada bila-bila masa kepada transaksi-transaksi yang lepas.				
14.	Sistem mestilah menyediakan fungsi pembayaran bonus yang fleksibel yang boleh dibuat mengikut kadar atau amaun tetap yang boleh diubah mengikut keperluan semasa.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
15.	Sistem hendaklah berintergrasi dengan Modul Kewangan yang lain secara automatik seperti Lejar Am untuk jurnal gaji, Akaun Pembayaran (AP) untuk pembayaran kepada institusi potongan gaji, Pinjaman Kakitangan untuk mengemaskini bayaran balik pinjaman dan Buku Tunai.				
16.	Sistem mestilah menyediakan kemudahan pembayaran gaji secara cek atau autopay (<i>encrypted textfile</i>) dan laporan bank kredit untuk tujuan pembayaran gaji.				
17.	Sistem mestilah menyediakan laporan perbezaan gaji untuk setiap kod gaji iaitu elaun, potongan dan sumbangan majikan termasuk gaji bersih secara ringkasan dan terperinci yang membandingkan jumlah gaji bulan semasa dan bulan lepas untuk tujuan semakan dan pengesahan.				
18.	Sistem mestilah mampu mencetak Penyata Saraan Dari Penggajian untuk tujuan cukai pendapatan bagi setiap kakitangan (Borang EC) dan mampu mengeluarkan laporan penggajian majikan tahunan (Borang E) kepada LHDN.				
19.	Sistem mestilah mampu mencetak slip gaji kakitangan mengikut format yang akan ditentukan oleh SME Corp dan slip gaji yang boleh diakses melalui <i>staff</i> portal.				
20.	Sistem mestilah mampu menjana laporan terperinci potongan gaji kakitangan bagi setiap jenis potongan yang dibuat pada setiap bulan seperti Laporan Perbezaan Gaji dan Ringkasan Gaji.				
21.	Sistem mestilah menyediakan proses penutupan gaji secara bulanan mengikut proses gaji dan berintegrasi dengan modul-modul yang terlibat iaitu Lejar Am, Buku Tunai, Akaun Pembayaran, Kawalan Bajet dan				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	Pinjaman Kakitangan bagi memastikan kesemua lejar atau sub-lejar yang terlibat dikemaskini secara automatik semasa proses penutupan gaji.				
22.	Sistem mestilah mempunyai fungsi tetapan proses aliran kerja yang fleksibel yang boleh ditetapkan dan diubahsuai mengikut keperluan SME Corp untuk proses penutupan gaji. Maklumat penyediaan, semakan dan kelulusan yang dibuat oleh pengguna mestilah boleh dilihat pada skrin penutupan gaji.				

MODUL 11: PENDAHULUAN & TUNTUTAN KAKITANGAN

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Sistem hendaklah berupaya memproses manfaat dan tuntutan kakitangan secara <i>online</i> dan selaras dengan keperluan undang-undang kerajaan mengikut terma dan syarat pekhidmatan SME Corp.				
2.	Sistem mestilah menyediakan kemudahan kepada pengguna untuk membuat tetapan kelayakan mengikut keperluan SME Corp seperti kelayakan tuntutan perubatan mengikut gred, elaun makan dan elaun harian mengikut gred, perbatuan mengikut kuasa (c.c.) kenderaan dan jarak perjalanan dan lain-lain tetapan yang perlu supaya pengguna boleh mengemaskini atau membuat perubahan sekiranya berlaku perubahan pada amaun kelayakan.				
3.	Sistem mestilah menyediakan kemudahan tetapan akaun lejar am yang boleh ditetapkan untuk setiap jenis tuntutan.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
4.	Untuk tuntutan perjalanan, sistem mestilah menyediakan kemudahan kepada pengguna untuk membuat tuntutan secara bulanan iaitu sekali sebulan.				
5.	Sistem mestilah berupaya membuat pengiraan tuntutan perbatuan mengikut jadual perbatuan kerajaan.				
6.	Sistem mestilah berupaya menyediakan fungsi memuat naik dan memuat turun dokumen oleh pengguna. Cth: memuat naik bil-bil tuntutan.				
7.	Sistem mestilah berupaya untuk menyimpan dan menyelenggara rekod kakitangan dan tanggungan berdasarkan kelayakan yang ditetapkan. Sebarang perubahan mestilah dibuat melalui Sistem Pengurusan Kakitangan SME Corp dan diintegrasikan dengan maklumat kakitangan di modul kewangan.				
8.	Sistem mestilah berintegrasi dengan Modul Akaun Belum Bayar bagi tujuan tuntutan dan bayaran balik.				
9.	Sistem mestilah berkeupayaan mengemaskini data dan berintegrasi dengan Modul Lejar Am dan Buku Tunai.				
10.	Sistem mestilah berupaya memproses tuntutan kakitangan secara akrual dengan mengemaskini akaun akrual yang berkenaan semasa proses kelulusan tuntutan dan mengemaskini akaun tersebut semasa proses pembayaran (kelulusan bayaran tuntutan).				
11.	Sistem hendaklah berupaya merekod dan mengira tuntutan staf seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> a. Pendahuluan Perjalanan dan Pendahuluan Pelbagai b. Tuntutan Kerja Lebih Masa c. Tuntutan Perjalanan 				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	d. Tuntutan Perubatan e. Tuntutan-tuntutan lain (pembelian alat komunikasi, tuntutan bil telefon dan internet, tuntutan pakaian panas, tuntutan keahlian badan professional dan kelab rekreasi)				
12.	Sistem mestilah menyediakan fungsi tetapan proses aliran kerja yang fleksibel untuk kesemua proses tuntutan kakitangan yang boleh ditetapkan dan diubahsuai mengikut keperluan semasa SME Corp. Maklumat penyediaan, semakan dan kelulusan yang dibuat oleh pengguna mestilah boleh dilihat pada skrin tuntutan yang berkenaan.				
13.	Sistem hendaklah berupaya menjana pelbagai laporan untuk penggunaan Unit HR, Unit Kewangan dan kakitangan secara terperinci. (cth: laporan tuntutan terperinci, penyata akaun, laporan analisis dalam bentuk grafik dan laporan transaksi kakitangan).				

MODUL 12: PENGURUSAN ASET

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Sistem hendaklah menyediakan fungsi pendaftaran penerimaan aset oleh Pemohon mengikut pusat kos yang ditetapkan di dalam sistem melalui <i>Good Received Notes</i> (GRN) serta pelabelan aset boleh dibuat sebelum pembayaran dilaksanakan.				
2.	Maklumat pada GRN mestilah dikemaskini secara automatik berdasarkan maklumat Inbois/Pesanan Belian dan sistem perlu menyediakan kemudahan				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	kepada pengguna untuk melengkapkan maklumat aset seperti mengemaskini keterangan aset, bilangan aset yang diterima, jenis, model, harga dan lain-lain maklumat yang berkenaan.				
3.	Sistem mestilah berupaya mendaftarkan aset secara automatik selepas GRN diluluskan dan menyediakan nombor daftar aset berserta komponen sekiranya ada. Sistem juga mestilah berupaya mendaftarkan aset secara berasingan sekiranya kuantiti yang diterima melebihi 1 unit contohnya dua nombor daftar aset yang berlainan untuk 2 unit aset yang sama.				
4.	Sistem perlu menyediakan proses kelulusan atas talian untuk fungsi GRN dan menyediakan fungsi tetapan proses aliran kerja yang fleksibel yang boleh diubahsuai mengikut keperluan semasa SME Corp. Maklumat penyediaan, semakan dan kelulusan yang dibuat oleh pengguna mestilah boleh dilihat pada skrin GRN yang berkenaan.				
5.	Sistem hendaklah menyediakan fungsi pendaftaran aset tetap (Daftar Harta Modal) secara online yang mengandungi butiran dan perincian penting aset yang merangkumi sekurang-kurangnya maklumat berikut; <ul style="list-style-type: none"> • Maklumat utama asset seperti nombor daftar aset, pusat kos, kategori dan sub-kategori, keterangan aset dan lain-lain maklumat asas aset. • Maklumat komponen aset seperti nombor komponen, nombor siri dan tarikh dibeli. • Maklumat lokasi aset seperti bangunan, tingkat, bilik, bahagian, pegawai yang bertanggungjawab dan boleh di <i>link</i> dan dipaparkan pada <i>google map</i>. 				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	<ul style="list-style-type: none"> • Maklumat susutnilai seperti tarikh mula susutnilai, kadar susutnilai, kaedah susutnilai, susutnilai tahun semasa dan susutnilai tahun-tahun lepas. • Maklumat perolehan aset seperti ID pembekal, nama pembekal, nombor pesanan belian, nombor inbois, nombor baucer. • Maklumat perakaunan iaitu kod akaun untuk aset termasuk kesemua segmen yang berkenaan yang disetkan di dalam sistem. • Jadual penyelenggaraan untuk aset-aset yang memerlukan penyelenggaraan berkala seperti kenderaan. • Gambar aset yang boleh dimuatnaik sendiri oleh pengguna dan sistem mestilah boleh menyokong gambar yang banyak untuk sesuatu aset. 				
6.	Sistem mestilah boleh memaparkan medan atau maklumat yang berlainan untuk jenis aset yang berlainan contohnya kenderaan perlu mempunyai medan no. chasis, no. enjin, no. pendaftaran manakala lain-lain aset tidak memerlukan maklumat tersebut.				
7.	Sistem mestilah berupaya menyediakan prefix untuk no pendaftaran aset yang boleh ditetapkan mengikut kategori aset.				
8.	Sistem hendaklah menyediakan fungsi untuk mencetak Daftar Harta Modal Aset dalam format KEW.PA-2 yang boleh dicetak terus dari skrin daftar aset.				
9.	Sistem hendaklah menyediakan fungsi untuk merekod penempatan semula aset secara individu atau secara berkelompok dan menyediakan proses kelulusan atas talian.				
10.	Sistem hendaklah berupaya menjana laporan daftar harta modal dengan menunjukkan sejarah penempatan sebagaimana format KEW.PA-2.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
11.	Pindaan rekod penempatan mestilah dikawal dan hanya boleh dibuat melalui fungsi penempatan semula dan mestilah melalui proses kelulusan atas talian.				
12.	Sistem mestilah berupaya untuk menjana <i>QR Code</i> .				
13.	Sistem mestilah menyediakan fungsi mencetak <i>QR code</i> dengan menyediakan kemudahan carian aset mengikut kriteria, medan atau maklumat yang terdapat di dalam daftar aset seperti kategori aset, lokasi, no. pesanan belian, no. inbois, pembekal, tarikh pembelian dan lain-lain				
14.	Sistem mestilah menyediakan fungsi Pemeriksaan Aset yang boleh dibuat mengikut pusat kos dan jabatan pada bila-bila masa. Sistem mestilah menyenaraikan kesemua aset-aset dibawah pusat kos dan jabatan yang dipilih secara automatic untuk pemeriksaan. Senarai aset mestilah boleh dimuat turun ke dalam Excel format sekiranya diperlukan untuk memudahkan pemeriksaan dibuat.				
15.	Sistem mestilah menyediakan kemudahan untuk pemeriksa aset mengemaskini data-data fizikal aset yang diperiksa seperti kuantiti, lokasi, keadaan aset, catatan dan lain-lain maklumat semasa aset yang perlu dikemaskini selepas pemeriksaan.				
16.	Sistem hendaklah menyediakan fungsi aduan kerosakan secara <i>online</i> . Fungsi aduan kerosakan mestilah mempunyai maklumat-maklumat utama aset seperti nombor daftar aset, keterangan aset, maklumat kerosakan, tarikh kerosakan dikesan, tarikh laporan dibuat dan lain-lain maklumat yang berkaitan.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
17.	Sistem mestilah menyediakan fungsi laporan kehilangan aset secara <i>online</i> . Fungsi ini mestilah menyediakan maklumat utama aset seperti nombor pendaftaran aset, keterangan aset dan tarikh kehilangan dikesan dan mestilah melalui proses kelulusan atas talian.				
18.	Sistem mestilah berupaya merekod dan menjana laporan rekod sejarah (<i>historical report</i>) penyelenggaraan beserta butiran penyelenggaraan (jenis penyelenggaraan, kos, tarikh, pembekal perkhidmatan, nombor kontrak, nombor pesanan tempatan, nombor inbois, lokasi penyelenggaraan dibuat).				
19.	Sistem mestilah menyediakan fungsi pengiraan susutnilai secara automatik yang boleh dibuat secara bulanan. Sistem mestilah mampu menyenaraikan aset-aset yang akan disusutnilaikan termasuk nilai susutnilai yang akan diproses, susutnilai terkumpul dan nilai buku bersih sebelum proses sebenar susutnilai dibuat bagi tujuan semakan. Senarai pra-susutnilai ini mestilah boleh dibuat dalam format terperinci dan ringkasan (mengikut kategori aset, sub-kategori atau tahun pembelian).				
20.	Sistem mestilah berupaya mengemaskini daftar aset selepas proses susutnilai dibuat. Sistem juga mestilah berintegrasi dengan modul Lejar Am dan menyediakan jurnal susutnilai secara automatik selepas proses susutnilai dibuat.				
21.	Kadar susutnilai aset mestilah boleh ditetapkan mengikut kategori aset dan mestilah boleh juga diubah atau dikemaskini di dalam daftar aset secara individu.				
22.	Sistem mestilah menyediakan fungsi Perakuan Pelupusan Aset yang digunakan untuk menilai dan memperakukan aset-aset yang bakal dilupuskan. Fungsi Perakuan Pelupusan mestilah menyediakan maklumat-				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	maklumat yang penting yang diperlukan untuk menilai keupayaan sesuatu aset sebelum dilupuskan.				
23.	Sistem hendaklah mewujudkan fungsi Pelupusan Aset secara online yang digunakan untuk merekod aset-aset yang dilupuskan secara berkelompok. Fungsi ini mestilah berintegrasi dengan modul Lejar Am yang mana sistem perlu menyediakan satu jurnal pelupusan secara automatik dengan mengambil kira kesemua akaun-akaun yang terlibat termasuk akaun untuk kos kendalian. Fungsi ini juga perlu mempunyai proses aliran kerja yang fleksibel yang boleh disesuaikan mengikut keperluan semasa SME Corp.				
24.	Sistem mestilah menyediakan fungsi Hapuskira Aset yang digunakan untuk merekod aset-aset yang dihapuskira secara berkelompok. Fungsi ini juga mestilah berintegrasi dengan modul Lejar Am yang mana sistem perlu menyediakan satu jurnal pelupusan secara automatik dengan mengambil kira kesemua akaun-akaun yang terlibat. Fungsi ini juga perlu mempunyai proses aliran kerja yang fleksibel yang boleh disesuaikan mengikut keperluan semasa SME Corp.				
25.	Sistem mestilah menyediakan fungsi Pinjaman Aset secara online yang digunakan untuk merekod aset-aset yang dipinjamkan. Fungsi ini perlu mempunyai proses aliran kerja yang fleksibel yang boleh disesuaikan mengikut keperluan semasa SME Corp. Sistem juga perlu berupaya mengemaskini status aset ketika dipinjamkan dan setelah dipulangkan.				
26.	Sistem mestilah menyediakan kesemua laporan-laporan KEW.PA 1-32 yang boleh dicetak pada bila-bila masa.				
27.	Sistem mestilah menyediakan satu laporan aset yang komprehensif yang menyenaraikan kesemua aset-aset yang terdapat di dalam daftar aset yang				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	menunjukkan baki awal, kos, sustnilai semasa, susutnilai terkumpul, pelupusan, hapuskira, dan nilai buku bersih pada sesuatu tarikh yang dipilih. Sistem juga perlu berupaya menyediakan laporan ini di dalam bentuk ringkasan dan terperinci.				
28.	Sistem mestilah menyediakan fungsi tetapan proses aliran kerja yang fleksibel untuk kesemua proses yang terdapat di dalam modul pengurusan aset yang boleh ditetapkan dan diubahsuai mengikut keperluan semasa SME Corp. Maklumat penyediaan, semakan dan kelulusan yang dibuat oleh pengguna mestilah boleh dilihat pada skrin yang berkenaan.				
29.	Sistem mestilah berupaya menyediakan fungsi memuatnaik lampiran untuk setiap proses yang disediakan di dalam modul Pengurusan Aset untuk membolehkan dokumen sokongan dilampirkan dan disemak secara atas talian sekiranya perlu.				

MODUL 13: PENGURUSAN STOR

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Sistem mestilah menyediakan satu modul pengurusan stor berasaskan web yang menyediakan kemudahan kepada pengguna untuk menguruskan proses-proses berkaitan stok secara atas talian (online)				
2.	Sistem mestilah menyediakan kemudahan untuk mendaftarkan maklumat stor. Sistem juga mestilah boleh menyokong stor yang banyak contohnya stor ibu pejabat dan stor-stor cawangan.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
3.	<p>Sistem mestilah menyediakan fungsi pendaftaran stok dan berupaya menjana nombor rujukan Stok/Inventori bagi setiap jenis dan kategori setelah didaftarkan (Kod Stok/Inventori). Sistem juga mestilah menyediakan sekurang-kurangnya maklumat berikut di dalam maklumat pendaftaran stok;</p> <ul style="list-style-type: none"> • ID stok • Keterangan stok • Kumpulan stok • Kategori stok • Unit ukuran • Stok mempunyai tamat tempoh atau tidak • Imej stok 				
4.	<p>Sistem mestilah menyediakan fungsi untuk merekodkan dan menyelenggara kesemua stok untuk tiap-tiap stor yang didaftarkan di dalam modul Pengurusan Stor. Sistem mestilah mampu menyediakan sekurang-kurangnya maklumat utama untuk tiap-tiap stok di dalam sesuatu stor. Sistem juga mestilah berupaya mengemaskini maklumat harga terakhir, kuantiti dipesan dan kuantiti ditangan secara automatik.</p>				
5.	<p>Sistem mestilah menyediakan satu laporan senarai stok yang kuantiti di tangan telah berada di bawah paras had minima. Sistem juga mestilah menyediakan proses permohonan pembelian stok terus daripada senarai ini.</p>				
6.	<p>Sistem hendaklah menyediakan proses pendaftaran penerimaan stok oleh Pegawai Pentadbir Stok/Inventori yang dibahagikan mengikut stor yang didaftarkan di dalam sistem pengurusan stor.</p>				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
7.	Sistem mestilah berupaya merekodkan harga setiap stok yang keluar dengan menggunakan kaedah <i>Fisrt-In-First-Out</i> (FIFO).				
8.	Sistem mestilah menyediakan fungsi pelarasan stok untuk melaraskan kuantiti stok sekiranya perlu disebabkan oleh kehilangan, tamat tempoh dan sebagainya.				
9.	Untuk fungsi pelarasan stok, sekiranya pelarasan adalah mengurangkan kuantiti stok, sistem mestilah menggunakan kaedah FIFO untuk merekodkan harga stok. Sekiranya pelarasan adalah menambahkan kuantiti stok, sistem mestilah mengambil harga terakhir (<i>last price</i>) untuk merekodkan harga stok.				
10.	Sistem mestilah menyediakan fungsi pengiraan stok (<i>stock take</i>) yang boleh dibuat pada bila-bila masa diperlukan. Proses ini mestilah menyediakan senarai keseluruhan stok di dalam stor yang dipilih yang boleh dikemaskini dan diselaraskan mengikut kuantiti fizikal yang dicatat.				
11.	Sistem mestilah menyediakan fungsi Permohonan Stok yang boleh dibuat oleh kesemua staff secara atas talian melalui portal kakitangan. Sistem juga perlu menyediakan proses kelulusan atas talian yang fleksibel yang boleh disesuaikan dengan keperluan semasa permohonan stok di SME Corp.				
12.	Untuk fungsi permohonan stok, sistem mestilah berupaya menyediakan maklumat setiap stok termasuk imej stok.				
13.	Sistem mestilah menyediakan fungsi Pengeluaran Stok (<i>Stock Issue</i>) yang digunakan untuk pengeluaran stok kepada kakitangan yang membuat permohonan selepas permohonan diluluskan. Kos untuk stok yang dikeluarkan mestilah direkodkan dengan menggunakan kaedah FIFO.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
14.	Sistem mestilah menyediakan fungsi pelupusan stok (<i>stock disposal</i>) yang digunakan untuk merekodkan stok-stok yang dilupuskan secara berkelompok dan menyediakan maklumat-maklumat berkaitan pelupusan. Kos untuk stok yang dilupuskan mestilah direkodkan menggunakan kaedah FIFO.				
15.	Sistem mestilah menyediakan fungsi penghapusan stok (<i>stock write-off</i>) yang boleh digunakan untuk melupuskan stok secara individu atau berkelompok dan menyediakan maklumat-maklumat berkaitan penghapusan stok. Kos untuk stok yang dihapuskan mestilah direkodkan menggunakan kaedah FIFO.				
16.	Sistem mestilah menyediakan fungsi laporan kehilangan yang digunakan untuk melaporkan kehilangan stok.				
17.	Sistem mestilah menyediakan fungsi pesanan semula (re-order) stok secara automatik apabila kuantiti stok kurang daripada paras terendah.				
18.	Modul Pengurusan Stor mestilah berintegrasi secara dua hala dengan modul Perolehan untuk pembelian stok.				
19.	Sistem mestilah berupaya menyediakan kesemua laporan-laporan pengurusan stok kerajaan iaitu KEW.PS 1-19 yang boleh dicetak pada bila-bila masa.				
20.	Sistem mestilah menyediakan fungsi tetapan proses aliran kerja yang fleksibel untuk kesemua proses yang terdapat di dalam modul pengurusan stor yang boleh ditetapkan dan diubahsuai mengikut keperluan semasa SME Corp. Maklumat penyediaan, semakan dan kelulusan yang dibuat oleh pengguna mestilah boleh dilihat pada skrin yang berkenaan.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
21.	Sistem mestilah menyediakan satu laporan transaksi stok yang lengkap yang memaparkan kesemua transaksi stok untuk sesuatu tempoh. Sistem mestilah menyediakan fungsi saringan (filter) bagi memudahkan pengguna membuat pilihan kriteria tertentu sebelum membuat cetakan. Sistem juga mesti menyediakan kemudahan carian bagi membolehkan pengguna membuat carian yang lebih spesifik untuk cetakan. Sistem juga perlu menyediakan fungsi drag-and-drop bagi pengguna memilih medan-medan yang diperlukan. Laporan ini juga mestilah boleh diekspot dengan kemas ke berbagai format terutama Excel.				

MODUL 14: DEPOSIT & AMANAH

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Sistem mestilah menyediakan satu modul Deposit & Amanah yang berasaskan web yang menyediakan kemudahan kepada pengguna untuk menguruskan proses-proses berkaitan transaksi deposit dan amanah.				
2.	Sistem mestilah menyediakan kemudahan untuk merekodkan pelbagai jenis deposit dibayar dan deposit diterima.				
3.	Sistem mestilah menyediakan kemudahan kepada pengguna untuk menetapkan jenis-jenis deposit yang akan digunakan. Jenis-jenis deposit dan amanah mestilah boleh ditambah dari semasa ke semasa apabila diperlukan. Setiap jenis deposit mestilah boleh dihubungkan dengan kod lejar am yang berkenaan yang boleh ditetapkan oleh pengguna.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
4.	Sistem mestilah boleh membezakan di antara deposit diterima dan deposit dibayar melalui jenis deposit yang boleh ditetapkan oleh pengguna.				
5.	Deposit diterima mestilah berintegrasi dengan modul Akaun Belum Terima.				
6.	Deposit dibayar mestilah berintegrasi dengan modul Akaun Belum Bayar.				
7.	Sistem mestilah menyediakan fungsi kontra yang digunakan untuk melaraskan baki deposit dengan invois.				
8.	Sistem mestilah menyediakan laporan deposit diterima untuk setiap jenis deposit dan boleh disediakan secara ringkasan dan terperinci.				
9.	Sistem mestilah menyediakan laporan deposit dibayar untuk setiap jenis deposit dan boleh disediakan secara ringkasan dan terperinci.				
10.	Laporan yang disediakan mestilah boleh diekspot ke dalam pelbagai format seperti PDF, Excel, Word, html di dalam format yang kemas. Sistem mestilah menyediakan kemudahan fungsi <i>drag-and-drop</i> untuk memilih medan-medan yang diperlukan untuk cetakan.				
11.	Modul deposit mestilah berintegrasi dengan modul Lejar AM, Akaun Belum Bayar, Akaun Belum Terima dan Buku Tunai.				
12.	Sistem mestilah menyediakan fungsi tetapan proses aliran kerja yang fleksibel untuk kesemua proses yang terdapat di dalam modul Deposit & Amanah yang boleh ditetapkan dan diubahsuai mengikut keperluan semasa. Maklumat penyediaan, semakan dan kelulusan yang dibuat oleh pengguna mestilah boleh dilihat pada skrin yang berkenaan.				
13.	Sistem mestilah berupaya menyediakan fungsi memuatnaik lampiran untuk setiap proses yang disediakan di dalam modul Deposit & Amanah untuk				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	mbolehkan dokumen sokongan dilampirkan dan disemak secara atas talian sekiranya perlu.				

MODUL 15: PINJAMAN KAKITANGAN

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	Sistem mestilah menyediakan satu modul Pinjaman Kakitangan yang berasaskan web yang menyediakan kemudahan kepada pengguna untuk menguruskan proses-proses berkaitan pinjaman kakitangan.				
2.	Sistem hendaklah menyediakan kemudahan untuk mewujudkan maklumat pinjaman mengikut jenis iaitu pinjaman komputer, pinjaman kenderaan dan lain-lain. Sistem hendaklah mempunyai kemudahan untuk pengguna mewujudkan jenis pinjaman pada bila-bila masa diperlukan.				
3.	Sistem mempunyai kemudahan untuk pengguna menetapkan kadar faedah yang dikenakan mengikut jenis pinjaman				
4.	Sistem mestilah menyediakan kemudahan untuk merekodkan maklumat terperinci berkaitan dengan peminjam dan pinjaman yang dibuat.				
5.	Sistem mestilah berupaya untuk merekodkan bayaran balik yang dibuat samada melalui cara potongan gaji atau bayaran balik secara langsung daripada peminjam				
6.	Sistem mestilah berupaya untuk memaparkan jumlah amaun untuk penjelasan awal.				

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
7.	Sistem mestilah menyediakan laporan bayaran balik yang telah diterima untuk setiap jenis pinjaman.				
8.	Laporan yang disediakan mestilah boleh diekspot ke dalam pelbagai format seperti PDF, Excel, Word, html di dalam format yang kemas. Sistem mestilah menyediakan kemudahan fungsi <i>drag-and-drop</i> untuk memilih medan-medan yang diperlukan untuk cetakan.				
9.	Modul Pinjaman Kakitangan mestilah berintegrasi dengan modul Lejar AM, Akaun Belum Bayar dan Buku Tunai dan Modul Prosesan Gaji.				
10.	Sistem mestilah menyediakan fungsi tetapan proses aliran kerja yang fleksibel untuk kesemua proses yang terdapat di dalam modul Pinjaman Kakitangan yang boleh ditetapkan dan diubahsuai mengikut keperluan semasa. Maklumat penyediaan, semakan dan kelulusan yang dibuat oleh pengguna mestilah boleh dilihat pada skrin yang berkenaan.				
11.	Sistem mestilah berupaya menyediakan fungsi memuatnaik lampiran untuk setiap proses yang disediakan di dalam modul Pinjaman Kakitangan untuk membolehkan dokumen sokongan dilampirkan dan disemak secara atas talian sekiranya perlu.				

JADUAL 6 : KEPERLUAN LAIN-LAIN PERKARA

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *																									
			YA	TIDAK																										
1.	Tempoh pelaksanaan projek adalah selama 12 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima.																													
2.	Menjalankan <i>data cleaning</i> , <i>data conversion</i> dan migrasi data dari sistem SAGA sedia ada kepada sistem SAGA baru.																													
3.	Melaksanakan sesi latihan sistem kepada pengguna dan pegawai teknikal ICT seperti berikut : <table border="1" data-bbox="232 715 1285 1161" style="margin-left: 20px;"> <thead> <tr> <th>No.</th> <th>Latihan</th> <th>Lokasi</th> <th>Bil. Sesi</th> <th>Bil. Pax / sesi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td><i>Functional – key user Training</i></td> <td>SME Corp. HQ</td> <td>1</td> <td>10</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td><i>Functional – end user Training</i></td> <td>SME Corp. HQ</td> <td>2</td> <td>20</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td><i>Administrator Training</i></td> <td>SME Corp. HQ</td> <td>1</td> <td>5</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td><i>Staff Portal Training</i></td> <td>SME Corp. HQ</td> <td>2</td> <td>10</td> </tr> </tbody> </table>	No.	Latihan	Lokasi	Bil. Sesi	Bil. Pax / sesi	1.	<i>Functional – key user Training</i>	SME Corp. HQ	1	10	2.	<i>Functional – end user Training</i>	SME Corp. HQ	2	20	3.	<i>Administrator Training</i>	SME Corp. HQ	1	5	4.	<i>Staff Portal Training</i>	SME Corp. HQ	2	10				
No.	Latihan	Lokasi	Bil. Sesi	Bil. Pax / sesi																										
1.	<i>Functional – key user Training</i>	SME Corp. HQ	1	10																										
2.	<i>Functional – end user Training</i>	SME Corp. HQ	2	20																										
3.	<i>Administrator Training</i>	SME Corp. HQ	1	5																										
4.	<i>Staff Portal Training</i>	SME Corp. HQ	2	10																										

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
4.	Menyediakan dokumentasi dan laporan yang berkaitan dengan projek ini dan MESTI diserahkan kepada SME Corp. Malaysia dalam bentuk <i>hardcopy</i> dan <i>softcopy</i> .				
5.	Pengujian/Acceptance Test ke atas sistem aplikasi perlu dilakukan dan perlu memenuhi keperluan/dipersetujui SME Corp. Malaysia sebelum pengesahan penerimaan akhir.				
6.	Tempoh jaminan untuk sistem aplikasi mestilah 12 bulan dari tarikh sistem Live.				

* sila nyatakan di ruangan ini untuk maklumat lanjut / tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju menyediakan perkhidmatan dinyatakan selaras dengan terma & syarat dalam dokumen Sebutharga Bil. 13/2021.

.....
Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Syarikat :